

Newspaper	Berita Harian
Date	30 May 2015

# Penduduk bandar perlu transformasi sosial: PM

BH  
-30/5/2015

## » Jawatankuasa Perwakilan Penduduk kena proakti/ atasi isu kawasan kediaman

Oleh Haika Khazi dan Irwan Shafriian Ismail  
bhnews@bh.com.my

K Putrajaya

**D**atuk Seri Najib Razak mahu Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) yang diwujudkan di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) di «41 negeri memainkan peranan sebagai jentera transformasi sosial di kawasan bandar.

Perdana Menteri berkata, JPP perlu menjadi jentera penting di kawasan bandar seperti juga peranan dimainkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) yang diwujudkan di luar bandar.

Katanya, proses transformasi sosial perlu berlaku dalam masyarakat khususnya di kawasan bandar memandangkan banyak isu yang wujud di bandar.

"Isu di bandar lebih kompleks, cabaran lebih besar sebab kita berdepan dengan masyarakat yang mempunyai ta-

hap pemikiran lebih tinggi, jangkaan lebih tinggi dan lebih besar.

"Tidak cukup kita buat transformasi ekonomi dan kerajaan, transformasi sosial mesti berlaku dalam negara kita. Isu bandar banyak, bukan saja isu pembangunan, sebaliknya pelbagai isu lain termasuk keselamatan dan jenayah, kita tidak boleh hanya serah kepada polis.

### Konsep bandar selamat

"Justeru, JPP juga kena mainkan peranan menerusi konsep bandar selamat di mana mereka boleh buat rondaan untuk menjaga kawasan di zon masing-masing," katanya berucap melancarkan JPP peringkat kebangsaan, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan; timbalannya, Datuk Halimah Mohamed Sadique serta Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Mohammad Mentek. Lebih 4,000 ahli JPP dari seluruh negara turut hadir pada majlis pelancaran itu.

Najib berkata, biarpun setiap kawasan bandar dikawal selia oleh PBT dan pejabat daerah, penyertaan JPP di kawasan bandar mewujudkan sistem kepemimpinan secara tersusun dan sudah tiba masanya kawasan bandar turut mempunyai jentera yang membabitkan penyertaan rakyat di bandar.

"Saya baru balik dari Jepun dan saya lihat masyarakat bandar di sana bukan hanya menjaga kawasan kediaman, sebaliknya mereka turut menguruskan jalan raya di kawasan mereka sendiri biarpun ia di bawah kawal selia PBT.

"Ini yang kita hendak masyarakat lakukan, yang mencerminkan ledakan evolusi pentadbiran negara, fasa yang mencerminkan negara maju. Tidak lengkap kalau di bandar tidak ada kepemimpinan mencerminkan masyarakat yang mahu perubahan, lebih dinamik dan mahu satu impian yang lebih hebat untuk negara," katanya.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata JPP dirintis, digubal dan dirancang dengan teliti supaya dapat menjadikannya hubungan yang merentasi antara kerajaan dan penduduk bandar.

Beliau berkata, JPP akan memantapkan perpaduan dalam kalangan penduduk bandar dengan menyertai kegiatan ke-

masyarakatan selain memudahkan tugas penyelenggara aspek kebersihan, kesihatan dan menjaga alam sekitar.

### Guna alasan GST

Sementara itu, di **Kuala Lumpur**, Najib menyalahkan sikap segelintir pemborong dan peruncit yang tamak dan maJiu mengaut keuntungan berlebihan sebagai punca utama rasa tidak puas hati rakyat terhadap pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Perdana Menteri berkata, beliau percaya rakyat akan dapat menerima pelaksanaan GST dengan hati terbuka secara peringkat jika peniaga dan pemborong lebih bertanggungjawab.

"Pemborong dan peniaga sengaja menggunakan alasan pelaksanaan GST untuk menaikkan harga barang dan perkhidmatan walaupun mereka tidak lagi dikenakan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

"Mereka juga tidak mengendahkan arahan kerajaan supaya menurunkan harga setengah barang selepas SST dihapuskan, sebaliknya terus menaikkan harga. Berikutan itu, GST terus dipersalahkan sebagai punca kenaikan harga barang dan perkhidmatan walaupun GST lebih baik berbanding SST," katanya ketika berucap pada majlis makan malam amal anjuran Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (HUAZONG) di sini, malam tadi.

### U

*Tidak cukup kita buat transformasi ekonomi dan kerajaan, transformasi sosial mesti berlaku dalam negara kita"*

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri